

BUSINESS JOURNEY STARTER: TIPS AWAL PERNIAGAAN UNTUK PEMULA

^{*1}Siti Nur Wahidah A Wahab, ²Nur Shafikah Shafinaz Md Said, ³Anis Raudhah Kamaludin,
⁴Nur Ain Nabilah Hashimi, & ⁵Nursabrina Shahira Mohd Zahuri

^{1, 2, 3, 4, 5}Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Seremban 3, Negeri Sembilan, Malaysia

*Corresponding author's email: wahidahwahab017@gmail.com

1. PENGENALAN

Kami merupakan pelajar daripada Kelab Diploma Pentadbiran Awam (DiPAC) ingin memperkenalkan sebuah buku digital yang bertajuk "Business Journey Starter: Tips Awal Perniagaan Untuk Pemula", di mana ianya merupakan sebuah buku atas talian yang juga dikenali sebagai e-book. E-book adalah nama yang digunakan untuk menamakan buku-buku dalam format digital, iaitu buku versi elektronik. Idea ini tercetus disebabkan oleh keinginan kami untuk membantu orang ramai di luar sana tanpa mengira kaum, bangsa dan agama untuk bersama-sama memulakan perniagaan sendiri secara kecil-kecilan berikutan daripada isu wabak Covid-19 yang telah pun menyebabkan ramai individu kehilangan kerja mereka. Oleh yang demikian, kami mencipta sebuah buku digital yang ringkas, mudah dan menarik ini dalam bentuk E-Book. Hal ini kerana, berikutan kepada keadaan sekarang dimana pembelian barang di atas talian adalah digalakkan. Oleh itu, kami mencipta sebuah buku yang dapat dibeli dan diakses secara atas talian tanpa mengira masa dan tempat. Malahan, buku digital ini juga dapat mengurangkan peratusan pencemaran udara dan pembalakan pokok yang semakin berleluasa ketika ini. Kesannya, produk yang kami hasilkan ini dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar serta ianya bersifat mesra alam dan pengguna. Tambahan pula, ianya merupakan hasil daripada pengumpulan poster mingguan kami yang sering dikongsikan kepada orang ramai iaitu poster satu minggu satu tips yang berkaitan dengan urusan perniagaan kepada pelajar di universiti kami. Oleh itu, kami berharap agar dengan produk E-Book yang kami cipta ini serba sedikit dapat membantu untuk memberikan maklumat dan berkongsi informasi serta ilmu baru kepada peniaga baru di luar sana.

2. OBJEKTIF


Buku yang diciptakan ini bertajuk "Business Journey Starter: Tips Awal Perniagaan Untuk Pemula. Seperti tajuk tersebut, objektif pembuatan buku ini dicipta adalah supaya dapat membantu pemula bisnes untuk memulakan langkah mereka dalam bidang bisnes. Buku ini dikhususkan kepada semua lapisan masyarakat seperti pemula bisnes, pensyarah dan guru-guru juga boleh menggunakannya untuk dijadikan sebagai bahan untuk mengajar khususnya kepada mereka yang mengambil subjek yang berkaitan dengan bisnes begitu juga dengan MASMED serta Exco Keusahawanan juga dapat menggunakannya untuk memberikan tips kepada para pelajar dan orang ramai. Selain daripada itu, objektif buku ini dicipta adalah untuk mengurangkan penggunaan kertas, hal ini bukan sahaja dapat mengurangkan penebangan pokok malah dapat melambatkan proses penipisan ozon. Umum mengetahui bahawa, pada zaman teknologi canggih kini, pencemaran alam sekitar yang berpunca daripada penebangan pokok-pokok amatlah drastik dan sangat membimbangkan. Oleh itu, penciptaan buku ini secara digital dapat mencegah serta mampu mengatasi masalah-masalah tersebut daripada berleluasa. Seterusnya, objektif yang terakhir adalah buku ini mempunyai kompilasi poster tips-tips yang dapat menarik minat dan juga memudahkan pembaca untuk membacanya kerana isinya sangat ringkas dan padat dengan info-info penting yang berguna dan mudah difahami. Impaknya, seseorang yang baru berjinak-jinak untuk memasuki dunia perniagaan dapat menimba ilmu pengetahuan yang baru serta ianya boleh dijadikan panduan kepada para pelajar yang mengambil bidang perniagaan.

3. APLIKASI

Di samping itu, buku digital ini dapat digunakan dan diperolehi melalui pengimbasan QR kod. QR kod merupakan kod yang boleh dibaca mesin yang terdiri daripada pelbagai kotak hitam dan putih, yang biasanya digunakan untuk menyimpan URL atau maklumat lain untuk dibaca oleh kamera pada telefon pintar. (QR Code, 2013) Oleh itu, pengguna yang ingin menggunakan buku digital ini dapat menggunakannya dengan hanya mengimbas QR kod yang diberi melalui telefon pintar. Tambahan pula, penggunaan QR kod ini sangat mudah dan cepat untuk digunakan oleh semua orang pada bila-bila masa tanpa sebarang halangan. Selain daripada itu, buku digital ini juga mempunyai pelbagai corak yang dapat menarik minat penggunanya apabila membaca. Hal ini kerana ianya penuh dengan isi-isi penting yang ringkas, padat dan mudah difahami tanpa ayat-ayat yang panjang yang kompleks. Sebagai contoh, gambar rajah dibawah merupakan antara gambar yang diambil hasil daripada penciptaan buku digital kami ini.



3.1. Gambar Rajah 1



3.2. Gambar Rajah 2

4. KOMERSIALISME

Pada zaman teknologi yang canggih ini, kami dapati bahawa dengan adanya penciptaan buku digital ini ianya dapat membantu ramai golongan masyarakat di luar sana. Sebagai contoh, buku digital hasil ciptaan kami ini dapat digunakan oleh semua orang terutamanya kepada mereka yang baru berjinak-jinak untuk memasuki alam perniagaan. Tambahan pula, buku Business Journey Starter ini juga dapat digunakan oleh pensyarah-pensyarah yang mengajar bidang perniagaan dan keusahawan contohnya bagi subjek ENT. Para pelajar yang mengambil subjek tersebut turut dapat menggunakan buku digital ini semasa musim pengkuliahannya atau boleh juga dijadikan sebagai rujukan harian mereka kerana kos yang kami tawarkan untuk membeli buku digital ini adalah sangat berpatutan dan boleh dibeli oleh semua orang. Pada pendapat kami, buku digital yang dicipta oleh kami ini mempunyai banyak manfaat dan berpotensi untuk dikomersialkan kerana ianya boleh digunakan oleh semua orang tanpa mengira umur, masa dan tempat. Seterusnya, seiring dengan musim pandemik ini masyarakat juga dapat mengakses buku digital ini dengan mudah tanpa perlu beratur panjang di kedai buku serta ianya dapat mencegah daripada penularan wabak Covid-19 ini secara berleluasa.

5. PENUTUP

Kesimpulannya, dengan pelaksanaan projek E-Book Business Journey Starter: Tips Awal Perniagaan Untuk Pemula ini, ia akan dapat memberi pelbagai manfaat dan kebaikan kepada masyarakat serta pelajar di luar sana. Kami mengharapkan agar pihak atasan menyokong projek ini dengan memberi kelulusan supaya projek ini dapat berjalan dengan lebih lancar. Hal ini kerana, E-book ini sebenarnya merupakan panduan ringkas ataupun tips yang dapat membantu orang ramai yang ingin memulakan perniagaan berikutan waktu pandemik sekarang. Malahan, dengan isi yang ringkas dan padat serta harga yang berpatutan, kami yakin ramai yang akan cuba untuk mendapatkan serta memanfaatkan E-Book kami dengan sebaik-baiknya. Oleh yang demikian, kami berharap agar projek yang kami cipta ini mendapat sambutan dan sokongan yang amat mengalakkan serta dapat dicapai dengan jayanya. Sekian, terima kasih.

RUJUKAN

- wikipedia.* (n.d.). Retrieved from https://en.wikipedia.org/wiki/QR_code *Qr Code*. (2013, january 29). Retrieved from Wikipedia: https://en.wikipedia.org/wiki/QR_code
- Makna E-Book (Apakah Konsep dan Definisi). Retrieved from <https://ms.encyclopedia-titanica.com/significado-de-ebook> (September 10, 2021)